

## **PENGURUSAN MUZIUM DAN CABARAN INSTITUSI PERMUZIUMAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, KOTA KINABALU**

*Museum Management and Challenges of Museum Institution at University Malaysia Sabah, Kota Kinabalu*

**Nuraisyah Nurdin<sup>1</sup>**  
**Zainuddin Baco<sup>2</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>*Nurdinnuraisyah48@gmail.com*

<sup>2</sup>*Zainuddin@ums.edu.my*

*Dihantar:24 Ogos 2024 / Diterima:11 Sept. 2024 / Terbit:31 Disember 2024*

### **Abstrak**

Penubuhan institusi permuziuman di bawah institusi pengajian tinggi memainkan peranan yang penting dalam menyokong pembelajaran yang lebih aktif melalui koleksi pameran yang difokuskan sejajar dengan keperluan universiti untuk menjadi pusat pendidikan yang unggul. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan lima buah muzium dan galeri di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan menilai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan institusi permuziuman UMS. Bagi melengkapkan kajian ini, pendekatan kualitatif telah digunakan dengan menjalankan kaedah pemerhatian dan temu bual dalam mendapatkan sumber primer. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan sumber sekunder melalui kaedah kepustakaan dengan pembacaan artikel, buku dan internet. Artikel ini cuba memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa pengurusan koleksi muzium memerlukan prosedur yang sistematik untuk menyokong kepada kejayaan universiti sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan serta potensi muzium sebagai salah satu destinasi pelancongan di sekitar Sabah. Walaupun begitu, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani oleh pihak pengurusan muzium di UMS seiring dengan pengurusan muzium di peringkat universiti. Maka, kajian ini telah memberikan beberapa saranan langkah untuk mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi.

**Kata Kunci:** Muzium, Galeri, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

### **Abstract**

*The establishment of museological institutions under institutions of higher education plays an important role in supporting more active learning through a collection of exhibitions that are focused in line with the university's needs to be a center of excellence. This article aims to highlight five museums and galleries at Universiti Malaysia Sabah (UMS) and evaluate the issues and challenges faced in the management of UMS museum institutions, namely the UMS Museum, Medical Museum, Aquarium and Marine Museum, Azman Hashim Gallery and Borneensis Gallery. To complete this study, a qualitative approach was used by conducting observation and interview methods in obtaining primary sources. Next, this study also uses secondary sources through library methods by reading articles, books and the internet. This writing tries to give exposure to the community that museum collection management requires a systematic procedure to support the university's success as an education and research center as well as the museum's potential as one of the tourist destinations around Sabah. Even so, there are still challenges that must be addressed by the museum management at UMS in line with museum management at the university level. Therefore, this study has provided some recommendations for steps to overcome the issues and challenges faced.*

**Keywords:** *Museum, Gallery, University Malaysia Sabah*

### **Pengenalan**

Muzium diertikan sebagai bangunan atau tempat penyimpanan pelbagai khazanah warisan sejarah dan budaya yang tidak ternilai. Dari segi istilah, perkataan "muzium" berasal dari perkataan Greek iaitu "Mouseion" yang bererti kuil muses atau rumah suci *mus* dan berfungsi sebagai tempat suci yang menghiburkan masyarakatnya dengan kraftangan dan kesenian rakyat tempatan di masa lampau (Badrul Isa, 2008:60). Jika dilihat, perkataan muzium tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia sehingga kini. Pada awal abad ke-20, muzium dianggap sebagai sekolah gambar kerana koleksinya bertujuan untuk mempamerkan gambar-gambar berunsurkan tumbuhan, binatang, serangga, kebudayaan, kesenian dan sejarah (Zulkifli, 1974:4).

Institusi permuziuman semakin bertambah ekorannya masyarakat Malaysia yang mula menyedari tentang peranan dan fungsi muzium yang mana bukan hanya berfungsi sebagai tempat penyimpanan barang-barang lama semata-mata, tetapi juga memberikan manfaat dalam perkembangan pendidikan dan pelancongan. Begitu juga dalam konteks permuziuman yang dibangunkan di UMS, universiti telah menyediakan beberapa jenis muzium yang mengetengahkan bahan pameran yang berbeza dalam usaha menjadikan universiti sebagai sebuah gedung ilmu. Maka, institusi permuziuman di UMS masing-masing memiliki potensi untuk berkembang sebagai salah satu pusat pendidikan dan pelancongan di Borneo. Namun, masih timbul persoalan adakah pihak pengurusan permuziuman UMS menghadapi cabaran dalam menaiktaraf keperluan koleksi dan pameran? Jika iya, apakah cabaran yang terpaksa oleh pihak kakitangan setiap muzium dalam memastikan segala usaha pengurusan pameran, penyelenggaraan, pemeliharaan berjalan dengan lancar dan cekap? Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, beberapa cabaran utama yang telah dikenal pasti oleh pihak institusi permuziuman UMS dan penyelidik sendiri dalam mengetengahkan muzium sebagai salah satu pusat ilmu dan penyelidikan, serta potensinya sebagai salah satu pusat pelancongan yang bukan sahaja di sekitar Sabah, tetapi ke luar negara juga.

### **Institusi Permuziuman UMS**

Begitu juga dengan institusi pendidikan yang lain, UMS juga telah mewujudkan beberapa muzium dalam usaha menjadikan universiti sebagai gedung ilmu dan menjadikan salah satu permuziuman sebagai salah satu tarikan pelancong untuk berkunjung. Jika dilihat, bentuk pameran setiap muzium di UMS adalah disesuaikan mengikut objektif penubuhan muzium, visi, misi, identiti dan tema sesebuah muzium itu sendiri. Berdasarkan kajian penyelidik, terdapat lima jenis permuziuman yang boleh diketengahkan dalam UMS, ianya termasuk Muzium UMS, Muzium Perubatan, Aquarium dan Muzium Marin, Galeri Azman Hashim (GAH-UMS) dan Galeri Borneensis. Kelima-lima jenis muzium di UMS ini telah dibangunkan untuk menyokong dan memaparkan identiti UMS sebagai pusat perkembangan ilmu pendidikan dan penyelidikan.

## **Muzium UMS**

Muzium Universiti Malaysia Sabah atau dikenali sebagai Muzium UMS merupakan salah satu institusi permuziuman yang ditadbir oleh UMS sendiri. Bangunan muzium ini siap dibina pada 25 Oktober 2003 di dalam Bangunan Canselori dan dirasmikan sendiri oleh Yang Berbahagia, Tan Sri Profesor Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, iaitu Naib Canselor UMS yang pertama pada masa itu. Penubuhan awal muzium ini merupakan sumber inspirasi dan ilham beliau kerana usaha beliau yang berjaya mendorong UMS untuk mencapai tahap pembangunan yang meningkat sejak awal penubuhan universiti tersebut (Portal Rasmi Universiti Malaysia Sabah, 2022).

Muzium UMS merupakan institusi yang mempamerkan koleksi dan artifak yang mempunyai nilai sejarah dan simbolisme kepada UMS itu sendiri. Secara umumnya, pameran muzium UMS memberikan penumpuan kepada sumbangan bakti, usaha dan pengorbanan yang dilakukan oleh pihak atau individu yang terlibat dalam penubuhan awal UMS pada 24 November 1994. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat pengisian muzium ini adalah berdasarkan sejarah perasmian UMS dan upacara pecah tanah pada tempoh masa tersebut. Selain pameran berkaitan sejarah penubuhan UMS, tumpuan pameran juga berkaitan dengan peralatan yang digunakan semasa konvokesyen pertama oleh UMS dahulu.

Selain itu, muzium UMS juga berfungsi sebagai tempat penyimpanan segala rekod dan butir yang merealisasikan pembangunan universiti sehingga ke hari ini. (Malik Ag Rasin, 2003:282) Perincian maklumat berkaitan pembangunan universiti tersebut boleh didapati dalam bentuk pelan akademik atau laporan tahunan yang tersedia dalam muzium. Pada peringkat awal pembukaan muzium, terdapat sebuah arkib yang dibangunkan sebagai medium untuk memberikan maklumat berkaitan sejarah lampau universiti. Walau bagaimanapun, arkib tersebut telah dipindahkan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Walaupun telah dipindahkan, ianya bukan penghalang untuk muzium UMS menjadi pusat rujukan kepada warga universiti atau masyarakat di sekitarnya.



**Foto 1: Muzium UMS**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Pengurusan muzium UMS hanya dijalankan oleh Timbalan Ketua Kurator Kanan Muzium dan seorang Pembantu Tadbir. Hakikatnya, kedua-dua kakitangan ini adalah diperolehi dari GAH kerana Muzium UMS sendiri tidak mempunyai bilangan kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan penjagaan koleksi di Muzium (Temu bual Encik Hilmey, 6 Jun 2024). Muzium UMS juga memiliki seorang Pembantu Tadbir yang membantu kerja-kerja Kurator dalam Muzium. Jelas bahawa situasi ini menunjukkan bahawa Muzium UMS tidak memiliki pekerja yang berkemahiran dalam bidang permuziuman kerana peranan Pembantu Muzium telah diberikan kepada Pembantu Tadbir. Walaupun begitu, kerja-kerja pembersihan terhadap pameran artifak masih dijaga secara berkala bagi mengelakkan segala kekotoran dan debu pada dinding kotak pameran. Bagi perolehan koleksi pula, pihak pengurusan muzium hanya mendapatkan koleksi tetap dan berkala melalui tiga jenis kaedah, iaitu melalui majlis-majlis perasmian di UMS, cenderamata penghargaan atau sumbangan dari individu atau pihak luar dan koleksi penerbitan dari laporan tahunan universiti.

## Muzium Perubatan

Muzium Perubatan UMS dikenali sebagai salah satu destinasi yang menarik dan informatif kepada pelawat yang hadir ke Universiti Malaysia Sabah. Muzium ini telah diwujudkan di bawah penyeliaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan telah dibangunkan pada 14 April 2010. Fasa awal penubuhan muzium ini telah dirasmikan sendiri oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang pertama iaitu Prof. Dr Osman Ali bersama dengan Naib Canselor UMS iaitu Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman. Pada mulanya, bangunan pertama muzium perubatan bertempat di belakang bangunan Pusat Rawatan Warga (PRW), namun selepas bangunan fakulti telah disiapkan, muzium perubatan UMS telah dipindahkan ke Fakulti Perubatan sehingga kini.



**Foto 2: Muzium Perubatan**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Muzium Perubatan merupakan satu-satunya muzium spesimen plastinasi yang pertama dibangunkan di negeri Sabah. Dengan keluasan kira-kira 5,000 kaki persegi, muzium ini menempatkan patologi spesimen dan anatomi spesimen di mana model anatomi manusia yang sebenar telah melalui proses pengawetan menggunakan bahan kimia *glycerol* (Malik Ag. Rasin, 2023: 282). Dalam patologi spesimen pula, biasanya spesimen seperti ini akan diperolehi dari organ tubuh badan manusia yang berpenyakit dan telah melalui proses pemeriksaan sampel di hospital. Oleh sebab itu, dapat diperhatikan bahawa muzium perubatan UMS telah menjadi sebuah pusat penyimpanan dan pameran

berkaitan model-model anatomi yang telah melalui proses pengawetan secara khusus.

Dari segi fungsi, Muzium Perubatan menekankan kepada dua aspek iaitu pendidikan dan perhubungan dua hala. Dalam peranan pendidikan, muzium perubatan berperanan dalam memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang struktur anatomi manusia dengan lebih dekat dan terperinci. Selaras dengan fungsi muzium sebagai wahana pendidikan, muzium perubatan juga amat prihatin terhadap program pembangunan kepada pelawat dan memberikan pengalaman yang menyeronokkan untuk mengembangkan pengetahuan mereka dalam bidang sains. Bahkan, Muzium Perubatan turut dilengkapi dengan kemudahan atau bahan pameran yang boleh digunakan oleh pelajar sekolah khususnya pelajar program perubatan bagi membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif seiring dengan matlamat muzium yang ingin melahirkan pelajar yang berkualiti dalam bidang doktor perubatan.

Dalam pengurusan Muzium Perubatan UMS pula, struktur organisasi yang dibentuk tidaklah besar seperti muzium-muzium di UMS. Ia hanya melibatkan lima jawatan penting dalam pengurusan muzium, namun segala kerja-kerja pengurusan berkaitan pameran dan koleksi akan dikendalikan oleh tiga orang tenaga pakar, iaitu Ketua Muzium dan dibantu oleh dua orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Menurut temu bual bersama Encik Effandy, segala kerja-kerja pemerolehan koleksi spesimen akan dilakukan oleh Juruteknologi Makmal Perubatan. Dahulu, ada kalanya perolehan spesimen diperolehi melalui pembelian dari negara luar seperti China, tetapi selepas Muzium Perubatan mendapatkan bekalan mayat dari hospital berdekatan, mereka mula menghasilkan spesimen pameran sendiri. Dengan itu, aspek pemeliharaan spesimen dalam muzium amat dititikberatkan, terutama spesimen anatomi yang diletakkan dalam jar spesimen kerana ia perlu dibersihkan secara berkala untuk mengelakkan kulat dan haiwan perosak yang lain. Begitu juga dengan kandungan formalin dalam jar plastinasi yang perlu ditambah sekiranya berkurang.

### **Aquarium dan Muzium Marin (AMUMS)**

Institusi AMUMS telah dipelopori oleh Prof. Dr Hj Ridzwan Abdul Rahman dan dibantu oleh Muhammad Ali Syed Hussein selaku pensyarah. Muzium ini mempunyai sembilan orang kakitangan termasuk seorang Kurator Kanan iaitu Cik Flora Anne Asalin. Segala tugas yang melibatkan pengurusan koleksi spesimen AMUMS dilaksanakan oleh kurator dan kakitangan AMUMS serta para penyelidik dari IPMB-UMS. Menurut Cik Flora, bentuk pameran yang cuba ditonjolkan oleh AMUMS ialah pameran hidupan marin yang berasal dari Borneo. Selain daripada itu, AMUMS juga menempatkan pelbagai koleksi spesimen marin yang mempamerkan biodiversiti marin melalui tiga bahagian utama, iaitu Diorama Menyelam di Pulau Sepadan, Ruang Pameran Aquarium dan Ruang Pameran Muzium Marin. Tegas Cik Flora, pengunjung boleh mendapatkan gambaran tentang hidupan di dasar laut berdasarkan susun atur di dalam tangki pameran akuarium tersebut.

Dari segi matlamat, AMUMS dibangunkan untuk memberikan pendedahan dan pembelajaran berkaitan dengan hidupan marin kepada masyarakat agar mereka mengetahui bahawa hidupan marin adalah lebih interaktif, bernilai dan menarik untuk dinikmati apabila berada di dalam situasi kehidupan marin yang sebenar. Seterusnya, ianya dapat mendidik masyarakat untuk menanam rasa hormat kepada persekitaran marin dan meningkatkan kesedaran individu tentang kepentingan hidupan marin agar muzium bukan menjadi satu-satunya tempat untuk melihat keindahan hidupan marin. Manakala, susun atur di dalam seksyen akuarium mencerminkan ekosistem dengan komuniti dimana ianya memudahkan pelawat berinteraksi dengan persekitarannya. Oleh hal yang demikian, penubuhan AMUMS bukan sahaja memberikan pelancongan pendidikan tentang kehidupan marin, tetapi masyarakat juga diberi kesedaran bahawa semua hidupan di laut juga merupakan sebahagian organisma yang perlu dijaga dan dilindungi (Temu bual Cik Flora, 6 Jun 2024).





**Foto 3: Seksyen Pameran Akuarium**  
Sumber: Kajian Lapangan 2023



**Foto 4: Seksyen Pameran di Muzium Marin UMS**  
Sumber: Kajian Lapangan 2023

Bagi melicinkan kerja-kerja pengurusan di muzium, empat skop tugas telah dibentuk iaitu Bahagian Operasi dan Teknikal, Bahagian Pengurusan Aset, Bahagian Perhubungan Awam dan Terimaan, serta Bahagian Pengurusan Koleksi. Keempat-empat bahagian ini telah

Nuraisyah Nurdin & Zainuddin Baco

diketahui oleh seorang Kurator Kanan dan ia diwujudkan mengikut keperluan muzium untuk memastikan setiap pameran yang dipamerkan berfungsi dengan baik. Bahkan, pengurusan koleksi juga melibatkan segala kerja-kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan terhadap tangki-tangki pameran akurarium jika terdapat kerosakan. Begitu juga dengan koleksi spesimen hidupan marin di Muzium, di mana proses pengeringan spesimen akan dititikberatkan sebelum disimpan dan dipamerkan kepada orang ramai. Dalam perolehan koleksi, banyak penemuan hidupan marin yang diperolehi melalui ekspedisi oleh kakitangan IPMB dan pelajar sendiri. Maka, tidak dinafikan jika AMUMS ditubuhkan untuk mempamerkan segala hasil aktiviti penyelidikan dari IPMB.

### **Galeri Azman Hashim UMS**

Galeri Seni UMS atau dikenali dengan Galeri Azman Hashim UMS (GAH) merupakan sebuah galeri seni yang mengetengahkan rekaan yang berkonsepkan seni dan budaya negeri Sabah. Galeri seni Azman Hashim ini juga merupakan satu-satunya galeri seni yang didirikan di dalam kawasan UMS. Galeri ini juga bertempat di atas puncak bukit dan menghadap laut terbuka Teluk Likas, Kota Kinabalu. Bukan itu sahaja, keunikan bangunan galeri juga yang berhampiran dengan laut China Selatan dapat menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar untuk melihat keindahan persekitaran kampus dan matahari terbenam pada waktu petang. Pembinaan Galeri ini pula bermula pada tahun 2017 dan telah dibuka pada 24 November 2021 sehingga kini kepada orang ramai.

GAH-UMS adalah sebuah galeri yang disumbangkan oleh Tan Sri Azman Hashim selaku pengusaha AmBank Holdings Bhd yang juga merupakan Pro-Canselor UMS pada ketika itu. Beliau telah menyalurkan sumbangan sebanyak 15 juta kepada pihak UMS untuk membangunkan sebuah galeri seni di dalam kampus induk UMS. Jika dilihat, keunikan struktur galeri adalah diilhamkan oleh Tan Sri Azman Hashim sendiri sebagai penyumbang besar, iaitu apabila beliau mencadangkan reka bentuk yang berkonsepkan "*popular design and do-able*" dan "*typical of Sabah*" dalam merealisasikan bangunan galeri sebagai bangunan "*iconic*" yang terdapat di UMS. Menurut Dr. Mohammad Puad, Pengarah GAH-UMS, beliau memperincikan bahawa konsep reka bentuk bangunan galeri adalah sinonim dengan negeri Sabah, iaitu berbentuk bulat dengan belahan kayu yang signifikan dengan "balak", iaitu salah satu sumber eksport di negeri Sabah.



**Foto 5: Bangunan Galeri Azman Hashim UMS**  
Sumber: Kajian Lapangan 2023



**Foto 6: Menara Beriu di dalam Bangunan Galeri Azman Hashim**  
Sumber: Kajian Lapangan 2023

Selain itu, satu lagi elemen estetika seni bina galeri adalah Menara Beriu yang dibina menyerupai bubu ikan atau perangkap ikan tradisional yang lazimnya digunakan oleh masyarakat tempatan di Sabah. Menara Beriu tersebut memiliki kira-kira 83 anak tangga yang membawa pengunjung melihat sendiri pemandangan panorama laut Teluk Sepanggar dari atas menara. Ketinggian Menara Beriu ialah 7 meter bersamaan 21 kaki dan keluasan ruang pula berupaya menampung 300 sehingga 500 orang (Laman Rasmi Universiti Malaysia Sabah, 2022). Salah satu tujuan pembukaan ruang di atas Menara Beriu oleh pihak pengurusan GAH adalah merupakan salah satu inisiatif untuk menarik kehadiran pelancong luar negara di samping menyediakan sewaan ruang kepada orang ramai atau pihak luar. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, ada kalanya pihak UMS akan menggunakan ruang terbuka galeri, termasuk ruangan di atas menara Beriu untuk mengadakan aktiviti, majlis atau program secara besar-besaran seperti sambutan perayaan dan Ekspo Jualan. Secara tidak langsung usaha ini membantu galeri untuk menjana hasil pendapatan melalui perkhidmatan ruang yang disewa oleh pihak luar selain mengenakan yuran tiket kepada pelawat.

Dalam pengurusan koleksi pameran seni di GAH pula, ia diketuai oleh seorang Pengarah atasan dan dibantu oleh Kurator Kanan Galeri. Hasil temu bual bersama Kurator Kanan Galeri telah mengatakan bahawa pengurusan koleksi pameran amat dititikberatkan dalam proses penerimaan dan penghantaran balik karya. Maka, pihak pengurusan Galeri telah menyediakan satu prosedur yang lengkap untuk memastikan karya-karya yang akan diterima tidak mengalami sebarang kerosakan sebelum dipamerkan. Pada masa yang sama, proses pemulangan balik karya juga berjaya dikembalikan kepada pengkarya tanpa sebarang masalah yang timbul dengan pengkarya. Dalam konteks perolehan koleksi, GAH didapati belum memiliki koleksi sendiri, hanya pameran sahaja seperti pameran sementara yang diganti setiap tiga bulan dan pameran tetap (Koleksi Tan Sri Azman Hashim). Setiap pameran yang dipersembahkan di ruang pameran akan dipantau dan diselenggara jika ada berlaku kecacatan pada lukisan atau karya yang digantung.

## **Galeri Borneensis**

Institusi Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) atau dikenali dengan nama *Institute Tropical Biology and Conservation*. Institusi ini telah ditubuhkan pada tahun 1996 dan merupakan sebuah institusi penyelidikan yang bertanggungjawab dalam mempromosi dan menjalankan penyelidikan mengenai biodiversiti flora dan fauna. Serentak dengan penubuhan bangunan IBTP, pihak IBTP juga bercadang untuk membangunkan sebuah galeri yang bertujuan untuk membantu kerja penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran biodiversiti. Di samping itu, galeri Borneensis juga dijadikan sebagai salah satu cara ITBC untuk menonjolkan pelbagai aktiviti penyelidikan dalam bidang biologi tropika, pemuliharaan dan penggunaan sumber biologi yang mampan. Galeri ini dirasmikan oleh Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi dan Mantan Naib Canselor UMS, iaitu Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah bersama dengan Prof Dr. Charles Vairappan selaku Pengarah IBTP sendiri.



**Foto 7: Ruang Pameran Galeri Borneensis**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Galeri ini telah secara rasmi dibuka kepada orang ramai pada 13 Mac 2016. Dalam sektor Borneensis, pengurusan koleksi lebih menumpukan kepada koleksi spesimen yang berbentuk flora dan fauna

di atas daratan khususnya kawasan Borneo seperti Sabah. Dalam sebuah brosur yang dihasilkan oleh Borneensis, terdapat empat objektif penubuhan galeri yang telah digariskan iaitu;

- i. Menjadi pusat pengumpulan koleksi flora dan fauna Borneo.
- ii. Menjadi pusat rujukan khusus untuk penyelidikan biosistematik.
- iii. Menyediakan kemudahan yang cemerlang untuk saintis tempatan dan antarabangsa.
- iv. Mendidik dan meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang nilai warisan semula jadi mereka.

Berdasarkan objektif di atas, Galeri Borneensis merujuk kepada satu tempat yang mengkoordinasi bantuan kepada para saintis tempatan dan antarabangsa yang ingin menjalankan kajian terhadap ekosistem dan diversiti daratan khususnya di kawasan yang beriklim tropika di Sabah. Dengan itu, matlamat asal penubuhan galeri adalah menjadi pusat rujukan kepada para penyelidik dari dalam dan luar negara untuk membuat rujukan berkaitan spesies tumbuhan dan haiwan yang ada di Sabah tanpa perlu pergi jauh ke luar negara (Malik. Ag Rasin, 2023: 292). Pada masa yang sama, galeri juga menitikberatkan objektif keempat, iaitu meningkatkan kesedaran dikalangan rakyat Malaysia mengenai warisan semula jadi. Hal ini demikian kerana adalah penting untuk memberikan pengetahuan baru kepada pelawat tentang kehidupan biodiversiti supaya mereka mengetahui kepelbagaian spesies flora dan fauna yang harus dijaga untuk kelestarian alam sekitar.

Dalam pengurusan galeri, ia telah dijalankan oleh kakitangan sektor Borneensis sendiri. Sama seperti AMUMS, kerja-kerja pengurusan dipimpin oleh seorang Ketua Kurator Kanan. Setelah diperhatikan oleh penyelidik, bentuk koleksi yang dipamerkan di dalam ruang galeri Borneensis adalah spesimen serangga, spesimen kering, spesimen basah dan spesimen botani. Dengan ini, pihak galeri telah mengamalkan sistem pengumpulan dan pengawetan yang mengikut piawaian antarabangsa sebelum spesimen disimpan dalam kompaktor lalu dipamerkan. Bukan itu sahaja, aktiviti pemantauan juga dijalankan untuk memastikan spesimen tidak mengalami sebarang masalah terutama ancaman dari haiwan perosak dan kulat (Temu bual Puan Patherine, 7 Jun 2024).

## **Isu dan Cabaran Institusi Muzium UMS**

Tidak dinafikan lagi, isu dan cabaran yang dihadapi oleh institusi permuziuman merupakan sesuatu yang lazim berlaku ekoran perkembangan globalisasi yang kian berkembang dari sudut politik, ekonomi dan sosial di sekeliling masyarakat. Dengan demikian, setiap muzium perlu bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku agar memastikan muzium kekal relevan dengan konteks dunia membangun pada masa kini. Dengan membahas cabaran-cabaran ini, ia dapat membantu dari segi merancang langkah-langkah proaktif yang lebih baik untuk memastikan kesinambungan dan kerelaksanaan muzium sebagai institusi yang memberikan pendidikan kepada masyarakat masa kini dan masa depan.

## **Jumlah Pelawat**

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negara kita telah dilanda krisis ekonomi akibat pandemik Covid-19 yang teruk. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan sebahagian sektor ekonomi menjadi lumpuh, termasuk dengan institusi permuziuman di UMS. Apa yang boleh dilihat, kesan daripada isu Covid ini juga akhirnya mempengaruhi kehadiran pelawat untuk berkunjung ke Muzium. Malah, tinjauan yang dijalankan oleh ICOM pada Mei 2020 mendapati bahawa hampir semua muzium di seluruh pelusok dunia (94.7%) ditutup kerana pandemik COVID-19 (International Council of Museums, 2020). Berdasarkan data ini, diandaikan bahawa sektor muzium di Malaysia juga mengalami nasib yang sama, termasuk sektor permuziuman di UMS.

Berdasarkan jadual 4.1, jumlah kemasukan pengunjung ke muzium-muzium UMS pada tahun 2019 mencatatkan bilangan yang memberangsangkan. Hal ini boleh dilihat melalui Muzium Perubatan dan Galeri Borneensis yang masing-masing mencatat 5250 orang dan 595 orang. Pada tahun 2020 dan 2021, jumlah bilangan pengunjung menurun dengan drastik selepas memasuki tempoh pandemik virus Covid19. Hal ini demikian kerana, pihak pengurusan permuziuman digesa untuk menutup bangunan buat sementara waktu sebagai tindakan pencegahan terhadap wabak virus tersebut. Jika diperhatikan dalam jadual tersebut, Muzium Perubatan telah mencatatkan penurunan yang luar biasa kepada 610 orang pada tahun 2020 dan menurun sekali lagi kepada 191 pada tahun 2021. Menurut

hasil temu bual bersama Encik Effandy, beliau mengatakan bahawa sepanjang tempoh Covid-19 dari tahun 2020 sehingga 2021, Muzium Perubatan tidak memperolehi apa-apa pendapatan daripada pelawat kerana pengunjung dari luar tidak dibenarkan mengunjungi muzium. Adapun pelawat yang terdiri dari pelajar perubatan atau pelajar UMS yang lain.

**Jadual 1: Bilangan Jumlah Pengunjung ke Institusi Permuziuman di UMS dari Tahun 2019 - tahun 2023 (terkini)**

Jenis Muzium	Tahun (orang)				
	2019	2020	2021	2022	2023
<b>Muzium UMS</b>	-	-	-	259	721
<b>Muzium Perubatan</b>	5250	610	191	1611	5291
<b>Aquarium &amp; Muzium Marin (AMUMS)</b>	-	-	-	-	-
<b>Galeri Azman Hashim (GAH)</b>	-	-	-	6934	1778
<b>Galeri Borneensis</b>	595	63	-	1035	325

\*Terdapat muzium di UMS tidak mempunyai data yang lengkap berkaitan jumlah pengunjung yang datang.

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Begitu juga dengan Galeri Borneensis, bilangan kemasukan pelawat telah menurun dari tahun 2020 sebanyak 63 orang kepada 0 orang pada tahun 2021. Tegas Puan Patherine dalam temu bual, penurunan ini berlaku kerana galeri telah ditutup, menyebabkan pekerja terpaksa bekerja dari rumah dan terpaksa menghadkan kemasukan pelawat ke galeri. Walau bagaimanapun, telah berlaku peningkatan jumlah kunjungan pada tahun 2022 dan 2023 apabila pengisytiharaan fasa endemik Covid-19 oleh pihak kerajaan Malaysia. Dalam tempoh ini, norma seharian masyarakat kembali seperti biasa dan setiap sektor ekonomi perlahan-lahan kembali beroperasi semula. Buktinya, Muzium Perubatan telah mencatat 1611 pada tahun 2022 dan seterusnya meningkat lagi kepada 5291 orang pada tahun 2023. Galeri Borneensis juga merekod peningkatan jumlah pengunjung iaitu 1035 orang pada tahun 2022 dan 325 orang pada 2023. Walaupun kini banyak muzium sedang dibuka semula, namun isu kedatangan pengunjung masih dihadapi oleh sesetengah muzium.



Selain daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik Covid-19, penyebab penurunan jumlah pelawat di muzium-muzium UMS juga dapat dibuktikan melalui bayaran tiket masuk yang dikenakan kepada pengunjung. Ada kalanya benar bahawa muzium bukanlah institusi yang mementingkan keuntungan, namun adalah bukanlah suatu kesalahan sesebuah organisasi itu beroperasi tanpa sumber kewangan. Dapatan hasil tersebut kebiasaannya digunakan kearah penambahbaikan sistem perkhidmatan muzium itu sendiri seperti penyediaan cenderahati, penyelenggaraan, pelaksanaan program dan sebagainya. Salah satu contoh yang boleh dilihat adalah melalui Muzium UMS iaitu bayaran tiket masuk telah mempengaruhi kedatangan pengunjung dan pendapatan muzium. Semasa ketiadaan bayaran yang dikenakan kepada pengunjung, Muzium UMS mampu menarik ramai jumlah pengunjung iaitu kira-kira empat ke enam ribu orang pengunjung dalam tempoh sebulan. Tetapi kini, Muzium UMS mula mengenakan caj untuk bayaran tiket masuk kepada pengunjung atas dasar memenuhi keperluan universiti untuk menjana pendapatan.

### **Masalah Peruntukan Bajet**

Jika dilihat, setiap muzium yang terdapat di UMS menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan. Walaupun institusi muzium dianggap sebagai organisasi yang tidak mementingkan keuntungan kewangan, akan tetapi sebahagian besar pengurusan muzium memerlukan kos dan dana yang besar untuk memastikan operasi muzium dijalankan dengan sebaiknya. Dalam konteks ini, setiap muzium perlu mengambil kira peningkatan kos yang merangkumi kos penyelenggaraan, penambahbaikan dan perolehan terhadap koleksi pameran. Misalnya dalam konteks Aquarium dan Muzium Marin (AMUMS), peruntukan kewangan adalah diperolehi dari pengurusan UMS secara tahunan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan operasi harian. Begitu juga dengan masalah bajet yang dihadapi oleh Muzium UMS dan Galeri Azman Hashim di mana kedua-dua muzium ini terpaksa saling berkongsi peruntukan kewangan secara bersama. Menurut Kurator Kanan Muzium UMS, iaitu Encik Hilmey telah mengatakan bahawa Muzium UMS mengalami kekurangan peruntukan dana kerana bajet yang diperolehi dari UMS akan dikongsi dengan galeri.

Seterusnya, kos pembiayaan dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti pameran galeri juga menjadi cabaran dari segi kewangan. Sebagai contoh, GAH-UMS sering kali membuat permohonan bajet untuk melaksanakan pelbagai program seperti pameran sementara, acara khas, aktiviti pendidikan dan sebagainya. Berdasarkan perbualan bersama Puan Faranizah, beliau mengatakan bahawa GAH sering kali menghadapi kekangan bajet, lebih-lebih lagi ketika adanya aktiviti perancangan pameran sementara dan pameran tetap. Tegas beliau lagi, pelaksanaan aktiviti pameran sebegitu memerlukan bajet untuk perasmian, katalog, aktiviti dan perkongsian, penempatan, pengangkutan. Sekiranya tidak mencukupi, maka pihak galeri akan membuat permohonan sekali lagi. Maka, dapat disimpulkan bahawa galeri juga menghadapi cabaran dalam mencari sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan program pameran, termasuk kos mewujudkan bahan-bahan pameran baharu, pengurusan acara dan promosi.

### **Kepakaran Sumber Manusia**

Kepakaran sumber manusia merupakan satu elemen penting yang berfungsi sebagai penggerak dalam pengurusan muzium agar muzium dapat menjalankan peranannya sebagai institusi yang menyimpan, menjaga dan mendidik. Hakikatnya, di sebalik penjagaan koleksi dalam muzium tersebut, terdapat sebuah sistem pengurusan yang sistematik dan memerlukan penggunaan pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Kekurangan tenaga pakar dalam sesuatu aspek pengurusan sudah pasti memberikan kesan terhadap peranan muzium. Sebagai contoh, sesebuah muzium itu tidak mempunyai tenaga pakar dalam mengkhususkan kepada bidang yang diceburi. Menerusi konteks kajian, aspek kepakaran ini menjadi isu dalam bahagian pengurusan muzium UMS dimana jawatan yang seharusnya diisi sebagai Pembantu Muzium telah diselaraskan dengan jawatan Pembantu Tadbir. Hal ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada operasi muzium kerana muzium tidak memiliki pembantu kurator yang berkemahiran dalam bidang koleksi muzium.

Tidak dinafikan, cabaran tenaga manusia yang tidak ramai menyebabkan muzium terpaksa mengehendkan kakitangan dalam kerja-kerja pengurusan di dalam muzium. Sebagai contoh, kekurangan tenaga kerja di bahagian pengurusan UMS telah menyebabkan kerja-kerja lain seperti penjagaan artifak dan pengurusan pameran terpaksa ditangguh

terlebih dahulu. Bagi Muzium UMS, penjagaan di bahagian kaunter adalah penting kerana salah satu fungsi muzium adalah memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan seterusnya *stakeholder*. Tegas Encik Hilmey dalam temu bual, ketiadaan pekerja di kaunter muzium mungkin memberikan impak buruk kepada imej muzium ekoran sikap pelanggan yang berkemungkinan menyebarkan perkara tersebut kepada orang awam di luar. Keadaan ini juga menyebabkan kakitangan muzium tidak dapat menjalankan kerja pengurusan lain atau *multitask* kerana penjagaan di kaunter adalah sangat penting. Oleh sebab itu, muzium UMS terpaksa mencari jalan dengan membawa masuk pekerja baharu dari GAH-UMS untuk membantu penjagaan pameran.

Bukan itu sahaja, cabaran dari segi aspek kekurangan kakitangan terlatih turut dihadapi oleh institusi Aquarium dan Muzium Marin. Masalah ini memberi kesan kepada kerja-kerja penyelenggaraan dalam koleksi AMUMS di mana proses menambahbaikan dan pengurusan sesuatu bahan akan mengambil tempoh masa yang panjang kerana AMUMS tidak mempunyai pekerja yang mempunyai kemahiran khas dalam teknikal. Situasi seperti ini secara langsung mendorong AMUMS untuk menyediakan kursus dan latihan kepada pekerja yang belum mahir dalam bidang pengurusan spesimen. Ini penting supaya pekerja diberi pendedahan dan pengalaman tentang cara pengendalian spesimen dengan menggunakan peralatan moden dan kemahiran saintifik. Justeru itu, cabaran kekurangan tenaga kerja akan menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Ini juga menimbulkan isu kepada operasi AMUMS kerana penyelenggaraan terhadap spesimen akan menyebabkan pengunjung tidak dapat melihat pameran seperti biasa. Maka, proses penyelenggaraan yang panjang boleh merosakkan spesimen sedia ada dan kos untuk mendapatkan bahan dan spesimen baru akan meningkat.

### **Informasi Mengenai Muzium**

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pengunjung mungkin kurang menyedari keberadaan muzium, pameran atau program yang diadakan oleh sesetengah muzium. Misalnya, sesetengah muzium kurang meningkatkan usaha pemasaran atau pengiklanan muzium melalui media sosial mereka seperti *Instagram*, *Tiktok* dan *Youtube*. Jika dilihat, sesetengah muzium juga terlihat tidak mengemas kini aktiviti-aktiviti

Nuraisyah Nurdin & Zainuddin Baco

atau program yang telah dijalankan dalam muzium tersebut. Bukan itu sahaja, pihak pengurusan UMS juga tidak mengemas kini laman web rasmi Muzium dan Galeri di portal mereka. Ini menyebabkan kesukaran kepada pengunjung untuk mendapatkan penerangan tentang latar belakang muzium dan termasuk koleksi atau spesimen yang dipamerkan dalam muzium berkenaan.

Selain daripada itu, pengunjung juga mungkin tidak mendapatkan maklumat sepenuhnya mengenai kedudukan muzium. Jika dilihat, pengunjung mungkin mengalami masalah tentang papan tanda yang kurang jelas di mana sesetengah papan tanda mungkin tidak diletakkan bahagian yang sesuai menyebabkan pengunjung tidak mengetahui arah laluan ke muzium. Masalah seumpama ini bukan sahaja dihadapi oleh pengunjung luar, tetapi pelajar UMS sendiri. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kedudukan setiap muzium yang berjauhan juga menyebabkan pelawat hanya menumpukan kepada satu atau dua muzium yang berhampiran dengan lokasi pelancongan lain seperti AMUMS dan GAH-UMS yang berhampiran dengan Pantai (*Outdoor Development Centre*) ODEC, dan Marina Kafe. Bukan hanya itu, individu akan lebih tertarik dengan muzium yang menjadi tumpuan tinggi dalam kalangan orang ramai di sekitarnya.

### **Pemerolehan Spesimen Pameran**

Kegiatan pemerolehan spesimen ini adalah merupakan salah satu tonggak terpenting bagi membentuk sebuah pameran untuk diperagakan di dalam ruangan muzium. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pemerolehan ditakrifkan sebagai suatu cara, perbuatan, usaha atau kegiatan memperoleh sesuatu barang. Manakala spesimen merujuk kepada contoh sampel yang dianalisis di makmal seperti mayat tubuh badan manusia sebelum dihasilkan sebagai pameran spesimen di muzium. Oleh kerana, institusi permuziuman di UMS diselenggara di bawah universiti, maka kerja-kerja pemerolehan koleksi akan dilaksanakan oleh Kurator Kanan sendiri dan Bahagian Unit Bendahari UMS. Namun, ada sesetengah muzium di UMS mengalami cabaran dari segi perolehan koleksi spesimen untuk tujuan dipamerkan.

Salah satu contoh yang menonjol adalah Muzium Perubatan dimana muzium ini menghadapi masalah dalam perolehan koleksi spesimen yang terhad. Hal ini berlaku kerana bahan koleksi spesimen seperti mayat agar sukar dijumpai lebih-lebih lagi di sekitar Sabah.

Dengan demikian, kekurangan perolehan koleksi spesimen di Muzium Perubatan secara jelas terlihat apabila ketiadaan pembekal mayat. Pada peringkat awal penubuhan, sebahagian spesimen anatomi adalah melalui pembelian daripada luar negara seperti China. Hal ini berlaku kerana muzium perubatan tidak memiliki pemerolehan mayat daripada hospital-hospital berhampiran di Sabah dan ini menjadi cabaran apabila muzium sendiri terpaksa membeli koleksi pameran spesimen melalui pembekal dari luar negara untuk memenuhi ruang pameran muzium. Lebih-lebih lagi isu ini bertambah apabila sebahagian spesimen anatomi terpaksa digunakan untuk kemudahan praktikal dalam kalangan pelajar Fakulti Perubatan itu sendiri dan bukannya untuk tujuan dipamerkan kepada umum.

### **Cadangan Mengatasi Cabaran**

Berdasarkan cabaran-cabaran yang telah dinyatakan, sudah tentu ada jalan atau langkah penyelesaian untuk mengatasi cabaran tersebut untuk memastikan kemampunan dan kejayaan berterusan institusi muzium UMS. Oleh hal yang demikian, pelbagai strategi dan pendekatan yang cuba diterokai oleh penyelidik untuk menangani masalah khusus yang dihadapi oleh institusi permuziuman di UMS untuk membolehkan mereka berkembang maju dan memenuhi misi dan objektif mereka tersendiri dengan berkesan. Namun begitu, seandainya cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik ini tidak mampu mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium berkenaan, setidak-tidaknya ia mampu meminimumkan isu dan cabaran yang timbul.

### **Mempergiatkan Promosi Muzium melalui Jaringan Kerjasama Domestik**

Bagi mengatasi isu kedatangan pengunjung ke muzium, institusi permuziuman di UMS boleh menjalinkan kerjasama domestik dan hubungan luar untuk membina jaringan kolaborasi yang bermanfaat untuk pemasaran muzium dan galeri. Rangkaian kerjasama ini sangat penting bagi membolehkan muzium dikenali oleh masyarakat dan menarik minat mereka untuk mengunjungi muzium. Misalnya, setiap permuziuman di UMS boleh menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau dikenali dengan *Ministry of Tourism Arts and Culture* (MOTAC). Hal ini demikian kerana

Nuraisyah Nurdin & Zainuddin Baco

MOTAC adalah suatu agensi kerajaan yang sentiasa bersedia untuk membantu sektor pelancongan dalam mempromosikan produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat. Jika diimbangi kembali, MOTAC juga adalah salah satu agensi yang pernah membantu memulihkan semula industri pelancongan dan kesenian yang terjejas ekoran Covid-19 (Berita Harian, 2022). Menerusi temu bual bersama Puan Faranizah, Kurator Kanan GAH mengatakan bahawa GAH adalah salah satu galeri yang dipromosikan secara aktif oleh MOTAC. Hal ini demikian kerana GAH sendiri tidak mempunyai bajet yang mencukupi dan kakitangan yang berkemahiran dalam pemasaran. Maka, adanya jalinan kerjasama dengan MOTAC dapat memberikan manfaat kepada GAH untuk mempromosikan galeri seni kepada orang ramai, di samping MOTAC juga membantu GAH untuk memasarkan produk dan karya mereka semasa Hari Ekspo di SICC sebelumnya.

Bukan itu sahaja, pihak per muzium di UMS juga boleh menarik pengunjung melalui Agensi Pelancongan yang berlesen. Pendekatan ini bertujuan untuk menarik pelancong dari luar negara untuk mengunjungi muzium dan menjadikan muzium sebagai salah satu pilihan destinasi yang wajib dilawati oleh mereka. Melalui kerjasama ini juga, institusi per muzium di UMS dapat menyeraikan pakej lawatan ke muzium kepada agensi pelancongan untuk mempromosikan muzium mereka. Dengan ini, muzium boleh bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan di negeri Sabah yang berlesen untuk membantu dalam menarik pelawat-pelawat dari luar khususnya pelancong dari negara luar seperti Korea, China dan Jepun untuk menempah pakej melawat ke lawatan UMS.

Selain daripada itu, institusi per muzium UMS juga boleh mengembangkan lagi kerjasama dengan institusi per muzium yang lain seperti seperti Muzium Sabah dan *Sabah Art Gallery*, Kota Kinabalu. Hal ini demikian kerana kolaborasi ini mampu menaikkan imej muzium melalui aktiviti perkongsian promosi dan publisiti yang dijalankan. Pelbagai usaha promosi yang boleh dijalankan bersama untuk mengiklankan muzium dan galeri kepada orang ramai, ia termasuk bekerjasama dengan menganjurkan Festival Muzium Peringkat Kebangsaan. Festival seumpama ini adalah acara tahunan yang boleh diadakan untuk memberi hiburan dan pengalaman menyeronokkan kepada pengunjung muzium. Banyak aktiviti boleh dianjurkan seperti persembahan nyanyian dan tarian, pameran sementara, penjualan cenderamata dan penerbitan buku-buku berkaitan muzium, permainan kuiz dan banyak lagi. Oleh itu, pendekatan seperti ini sudah pasti faktor

pendorong kepada orang ramai untuk berkunjung ke muzium kerana mereka bukan sahaja dapat terlibat dalam pameran yang disediakan, malah berpeluang melakukan aktiviti yang menyeronokkan di muzium.

## **Mempelbagaikan Sumber Kewangan**

Mengatasi cabaran kewangan dalam muzium memerlukan strategi yang pelbagai dan kreatif untuk memastikan kecekapan dan fungsi pengoperasian berkesan (Shaw Hong, 2020: 143). Antara langkah yang boleh diambil ialah membuat permohonan geran dan dana melalui program geran kerajaan. Dalam konteks ini, pihak UMS boleh mengemukakan permohonan geran yang direka khusus kepada kerajaan negeri Sabah untuk menyokong kebudayaan, seni dan pendidikan. Melalui geran ini juga, pihak kerajaan dapat menyediakan bantuan kewangan untuk perancangan pameran galeri, penambahbaikan muzium, projek pendigitalan, usaha pemuliharaan, dan program lain yang melibatkan aktiviti di muzium. Bukan itu sahaja, pihak universiti juga boleh memohon geran seumpunya Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menyokong pembangunan pendidikan dan penyelidikan. Oleh sebab itu, pengkaji berharap cadangan permohonan program geran kerajaan dan swasta ini diambil kira oleh pihak universiti untuk memberikan peruntukan dana yang tidak terhad kepada institusi permuziuman di UMS kerana fungsinya juga sebagai pusat pendidikan kepada masyarakat.

Selain daripada itu, permuziuman di UMS boleh menjana pendapatan mereka sendiri untuk mendapatkan dana selain peruntukan dari kerajaan. Contohnya dalam konteks AMUMS, mereka boleh mengambil langkah dengan menghasilkan penerbitan bahan pendidikan dan produk cenderamata. Pihak AMUMS boleh memperbanyakkan lagi penghasilan bahan-bahan pendidikan seperti buku-buku yang menceritakan tentang keindahan aquarium, muzium marin dan kekayaan sumber kehidupan laut di Sabah serta menghasilkan DVD yang berkaitan dengan eksplorasi hidupan marin yang menyeronokkan. Tambahan lagi, pihak AMUMS juga boleh memperbanyakkan lagi penjualan cenderamata di kedai sedia ada mereka iaitu *Hello Ocean Shop* yang berdekatan dengan bangunan AMUMS. Antara produk cenderamata yang beridentitikan AMUMS dan boleh dijual kepada pelawat atau pelancong dari luar adalah seperti *keychain*, payung, pakaian, patung, gelang tangan, pen dan sebagainya. Ini sebenarnya

salah satu cara terbaik kepada muzium untuk mendapatkan dana kerana orang ramai khususnya pelancong luar pasti membeli barangan eksklusif yang boleh dijadikan kenangan bagi mereka untuk dibawa pulang.

Satu lagi yang boleh dilakukan untuk menjana pendapatan adalah menyewakan sewaan ruang muzium kepada masyarakat. Pihak permuziuman di UMS boleh menyewakan ruang mereka untuk acara-acara atau program pendidikan seperti bengkel, seminar dan kursus yang berkaitan dengan seni dan pameran. Perkhidmatan daripada sewaan ruang ini boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan kepada muzium selain bayaran tiket. Inisiatif seumpama ini boleh dilihat melalui GAH yang menyokong penyewaan ruang kepada pihak luar untuk menjana pendapatan, Pada masa yang sama, GAH juga menyewakan kawasan untuk mengadakan acara besar seperti majlis perayaan, konsert, persembahan teater atau acara muzik. Ini demikian kerana beliau percaya bahawa bejet yang diperuntukkan oleh universiti adalah tidak mencukupi untuk menanggung segala keperluan pengurusan galeri. Maka, penyediaan ruang galeri untuk disewa semenangnya telah dimanfaatkan oleh galeri sebagai salah satu sokongan kewangan.

### **Pembangunan Latihan dan Kerjasama**

Dalam mengatasi cabaran berkaitan kekurangan kepakaran sumber manusia, pihak UMS atau pihak muzium boleh menyediakan satu platform untuk memperluaskan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang pengurusan muzium. Sebagai contoh, pelaksanaan pelbagai latihan kepada pekerja sedia ada seperti kursus, bengkel, seminar atau bahkan membangunkan program mentoring di mana staf yang berpengalaman diberi tanggungjawab untuk membimbing pekerja baru atau kurang berpengalaman. Dengan adanya latihan seperti ini, pihak permuziuman di UMS tidak perlu bimbang sekiranya kemasukan pekerja tidak berada di bawah bidang permuziuman. Tambahan lagi, pihak Kurator Kanan muzium juga boleh menjalankan program penghargaan untuk menghargai usaha dan sumbangan pekerja. Misalnya, pihak muzium menyediakan peluang kenaikan pangkat dan memberikan sijil penghargaan untuk meningkatkan motivasi dan kepuasan mereka dalam pekerjaan.

Selain latihan, pihak institusi permuzium di UMS juga boleh menjalankan kerjasama dengan muzium lain atau organisasi luar untuk berkongsi kepakaran dan jaringan erat bagi mendapatkan bantuan



sumber manusia. Begitu juga dalam konteks kerjasama antara GAH-UMS dengan Balai Lukis Seni Sabah dan Balai Lukis Seni Negara. Sebagai contoh, pihak pengurusan GAH boleh menjemput Bahagian Koleksi dan Pameran atau Bahagian Pemasaran dari Galeri Balai Lukis Seni Sabah untuk mengadakan program *sharing* untuk berkongsi pengalaman kerja mereka dalam pengurusan koleksi, aktiviti penyelidikan, promosi, penyelenggaraan koleksi dan sebagainya. Dengan demikian, cadangan-cadangan yang dikemukakan ini diharapkan mampu memberi manfaat kepada kakitangan muzium dan galeri melalui pendekatan kolaboratif dan kepakaran pihak luaran.

### **Meningkatkan Pemasaran Muzium**

Pemasaran muzium didefinisikan sebagai cara-cara menarik minat ramai pengunjung untuk mengunjungi muzium. (Habibah, 2014: 98). Ia juga bertujuan untuk memberikan manfaat kepada umum mengenai bahan pameran dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan muzium. Sebagai contoh, muzium-muzium di UMS perlu memasarkan perkhidmatan mereka sebagai salah satu destinasi pelancongan di Borneo dan pusat ilmu pengetahuan bagi menarik minat orang ramai meluangkan masa untuk berkunjung ke muzium dan memperoleh sesuatu yang bermanfaat daripada koleksi spesimen dan pameran seni yang diperagakan. Bagi penambahbaikan tentang informasi muzium yang tidak memuaskan, beberapa cadangan akan dikemukakan untuk penambahbaikan dari aspek pengurusan pemasaran muzium-muzium di UMS. Dalam kajian Muhamad Amirul (2017), teori pemasaran boleh dipecahkan kepada "campuran 4P", iaitu product (product), harga (price), promosi (promotion) dan tempat (place).

Dari sudut pandangan pengunjung umum, "produk" muzium difahami adalah sesuatu yang ditunjukkan dalam galeri utama, pameran khas atau bahagian-bahagian lain dalam muzium yang dibuka kepada orang ramai. Di dalam konteks institusi permuziuman di UMS, pihak pengurusan muzium boleh menawarkan pelbagai perkhidmatan lain untuk membantu menonjolkan produk mereka dalam muzium. Misalnya, muzium boleh menawarkan bengkel, kuliah, kelas dan lawatan untuk meningkatkan kunjungan pengunjung dari luar khususnya pelajar sekolah. Selain daripada itu, muzium juga boleh mengadakan pelbagai acara sosial, hiburan atau majlis perayaan yang berhampiran dengan kawasan muzium dan melibatkan penyertaan komuniti.

Dari segi harga pula, institusi permuziuman di UMS telah mengenakan bayaran tiket masuk kepada pengunjung luar sebagai salah satu sumber pendapatan mereka. Memandangkan muzium-muzium di UMS dibawah pihak pengurusan UMS, maka caj bayaran tiket masuk adalah satu keperluan yang dikenakan kepada setiap pengunjung yang datang memasuki muzium. Jika diberi cadangan, sesetengah muzium yang mengenakan bayaran tiket masuk kepada pelajar UMS harusnya dihapuskan kerana fungsi permuziuman di UMS adalah memfokuskan kepada pendidikan dalam kalangan masyarakat di sekitarnya.

Selain produk dan harga, promosi adalah medium untuk memperkenalkan muzium kepada umum secara meluas (Chritstina, 2020: 13). Berdasarkan pemerhatian pengkaji, setiap muzium perlu menjalankan promosi pemasaran yang berkesan seperti mempelbagaikan media sosial rasmi sebagai wadah komunikasi utama muzium dengan masyarakat. Contohnya, institusi permuziuman di UMS boleh merangka satu lagi media sosial yang terkini seperti Tiktok dan Instagram, selain *Facebook* dan *Youtube*. Pada masa yang sama, Bahagian Perhubungan Awam UMS boleh membantu mempromosikan program-program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium ataupun galeri seni di UMS melalui laman rasmi UMS sendiri. Dengan penggunaan media sosial ini, muzium mampu mengadaptasi penggunaan teknologi maya dalam norma seharian masyarakat pada masa kini. Melalui platform media sosial ini juga, orang ramai dapat mengakses dan mengambil tahu tentang muzium-muzium yang dibangunkan di UMS dan sekaligus mereka dapat mengikuti perkembangan pameran yang disediakan dengan menggunakan hujung jari sahaja.

Dari segi tempat, pemilihan lokasi yang terpencil perlu dititikberatkan kerana ia dapat menyukarkan pengunjung untuk datang melawat ke muzium. Misalnya, pengkaji bercadang agar papan tanda yang disediakan perlu diletakkan di tempat dan kawasan yang betul. Selain daripada itu, penyelidik juga menyarankan agar arahan papan tanda berkenaan ditulis bersama dengan bahasa Inggeris untuk memudahkan para pelancong dari luar negara. Bukan itu sahaja, lokasi-lokasi muzium di UMS yang kurang strategik dan tidak berdekatan antara satu sama lain memerlukan pihak UMS untuk menyediakan satu peta yang jelas dan mudah difahami untuk memudahkan pelancong mengetahui arah ke muzium berkenaan. Dari segi pengangkutan pula, pihak muzium perlu menyediakan kawasan tempat kenderaan yang

lebih luas untuk bas lawatan pelajar sekolah dan bas pelancong. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kedudukan Muzium UMS yang terletak dalam Bangunan Canselor memerlukan usaha promosi yang aktif supaya kewujudannya dapat dikenali oleh pengunjung dalam dan luar UMS.

### **Pinjaman dan Hubungan Luar**

Pinjaman adalah salah satu kaedah yang boleh dicadangkan dalam mengatasi masalah pemerolehan koleksi. Kaedah peminjaman objek atau spesimen ini biasanya dilakukan untuk tujuan pameran di dalam muzium dan penyelidikan sekaligus menjadikan spesimen tersebut sebahagian daripada koleksi yang boleh diakses oleh pengunjung seluas-luasnya. Lazimnya, kekurangan perolehan koleksi yang terhad boleh diatasi oleh Muzium Perubatan dengan membuat permohonan pinjaman spesimen atau koleksi sementara dari universiti luar atau muzium lain (Siti Aishah, et al., 2023:423). Pinjaman ini boleh dicapai melalui Muzium Anatomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muzium Patologi Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Muzium Perubatan Kulliyah di International Islamic University Malaysia (IIUM). Melalui hubungan seumpama ini, pihak Muzium Perubatan boleh menambahkan spesimen baharu mereka, selain menarik minat pengunjung untuk mengenali dan memperoleh pengetahuan baru tentang hasil spesimen yang dihasilkan oleh universiti luar.

Dalam mengatasi isu ketiadaan mayat dalam penghasilan bahan spesimen, cadangan yang boleh diberikan adalah menjalankan kolaborasi bersama institusi perubatan yang lain. (Harian Metro, 2018). Dalam hal ini, Muzium Perubatan boleh bekerjasama dengan hospital-hospital berdekatan atau institusi yang menjalankan kajian sains forensik untuk menggunakan mayat yang tidak dituntut dan sesuai dijadikan spesimen dalam muzium. Sebagai contoh, muzium Perubatan UMS boleh mendapatkan bekalan atau sumbangan mayat melalui hospital berdekatan seperti Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Dengan menggunakan bentuk perolehan ini, muzium Perubatan UMS dapat mengatasi kekurangan spesimen yang terhad dan memastikan objek yang dipamerkan sentiasa relevan dan bermanfaat untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan kepada umum, khususnya pelajar perubatan sendiri.

## **Kesimpulan**

Tidak dapat disangkal lagi, institusi permuziuman di UMS sangat berpotensi untuk diketengahkan kepada umum sebagai salah satu destinasi pelancongan di sekitar negeri Sabah dan seluruh pelosok negara. Dengan demikian, adalah penting untuk setiap muzium menitikberatkan aspek pengurusan di muzium yang melibatkan pelbagai skop pengurusan seperti tenaga pakar yang terlibat dalam menggerakkan operasi muzium, perolehan koleksi dan pemeliharaan koleksi dan bahan pameran muzium. Pendek kata, tanpa adanya pengurusan yang sistematik, kerja-kerja pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan penambahbaikan sudah pasti tidak berjalan dengan lancar. Dengan demikian, adalah penting untuk meningkatkan promosi muzium bagi menambahkan bilangan pengunjung selaras dengan keperluan universiti yang menjadikan muzium sebagai salah satu sumber pendapatan. Dengan ini, bayaran tiket masuk daripada pelancong dapat dimanfaatkan dalam pengurusan muzium kerana wang tersebut boleh digunakan untuk menambahbaik kualiti pameran dan menyelenggara bahan pameran jika ada kerosakan.

Isu dan cabaran yang sering dihadapi di dalam institusi permuziuman UMS termasuk kekurangan jumlah pelawat, kekangan peruntukan bajet kewangan, kepakaran sumber manusia, informasi mengenai muzium dan pemerolehan koleksi pameran. Bagi menangani isu dan cabaran tersebut, pendekatan dari pelbagai cara diperlukan. Jalinan kerjasama dan komitmen di antara muzium-muzium dalam negara dan pihak kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan amat membantu dalam usaha mempromosikan permuziuman UMS ke peringkat yang lebih tinggi, berkongsi idea serta kepakaran dan pemikiran yang kreatif dalam mengatasi isu-isu yang timbul. Selain itu, pihak permuziuman UMS juga boleh mempelbagaikan sumber pendapatan di peringkat muzium, membangunkan latihan dan jaringan kerjasama yang erat dengan organisasi luar, menggiatkan pinjaman, pembelian dan kerjasama dalam perolehan koleksi, serta meningkatkan pemasaran muzium melalui campuran pemasaran 4P untuk menarik ramai pengunjung untuk melawat pameran muzium-muzium di UMS. Begitu juga dengan jalinan kerjasama dengan muzium-muzium lain di peringkat domestik dan agensi-agensi pelancongan di luar. Ini penting untuk memartabatkan muzium-muzium di UMS sebagai salah satu pusat pelancongan dan pendidikan kepada orang ramai. Menerusi langkah dan usaha yang disarankan, institusi permuziuman di UMS boleh terus memberi inspirasi, mendidik serta memupuk pemahaman dan

penghargaan yang lebih mendalam dalam kalangan masyarakat tentang koleksi dan pameran yang dipersembahkan selaras dengan fungsi dan matlamat muzium.

## **Senarai Rujukan**

### **Jurnal dan Buku**

- A. Malik Ag. Raisin. (2003). Muzium-Muzium di Universiti Malaysia Sabah: Suatu Nota Penyelidikan, *Jurnal Kinabalu*. 29. 278-301.
- Badrul Isa. (2008). *Pedagogi Pendidikan Seni Visual di Muzium dan Galeri Seni: Satu Pendekatan*. Universiti Teknologi Mara: Pusat Penerbitan (UPENA).
- Chritstina Lister. (2020). *Successful Marketing for Museums*. United Kingdom: Association of Independent Museums.
- Habibah Ahmad. (2014). Peranan Media Sosial Tripadvisor dalam Mempromosikan Tapak Warisan Dunia Melaka. *Malaysian Journal of Society and Space*. Vol. 10(8). 97-113.
- Muhammad Amirul, Mohd Syuhaidi & Nor Azlin. (2019). Strategi Pemasaran Muzium: Kajian Kes Muzium Kesenian Islam Malaysia. *Forum Komunikasi*. Vol. 14(2). 64-90.
- SER, S. H. (2020). Museums and Tourism: Reengineering the Role of Museum in Malaysia's Cultural Heritage Tourism. *Jurnal Business Economic, Communication and Social Sciences (BECOSS)*. Vol. 2(1).
- Zulkifli Abdul Aziz. (1974). *Penubuhan Muzium-Muzium Negeri di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.

### **Kertas Kerja**

- Siti Aishah Yahya. Zuraidah Hassan & Aimi Khairunnisa. (2023). Pendidikan Muzium Membantu Pedagogi Pembelajaran dan Pengurusan Stres dalam Kalangan Pelajar: Suatu Kajian Teori dan Konsep, Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA). Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam.

### **Laman Sesawang**

- Arkib Universiti Malaysia Sabah. (2023). *UMS Jadi Pusat Ilmu Unggul*. Dipetik dari [https://arkib.ums.edu.my/14819/1/UMS%20JADI%20PUSAT%](https://arkib.ums.edu.my/14819/1/UMS%20JADI%20PUSAT%20)

Nuraisyah Nurdin & Zainuddin Baco

20ILMU%20UNGGUL%20-%20UB%2004.10.2023%20P.01.pdf.  
Diakses pada 21 Jun 2024.

Berita Harian. 19 Jun 2022. MOTAC Giat Semarakkan Aktiviti Pelancongan, Seni dan Budaya yang Terjejas. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/06/967481/motac-giat-semarakkan-aktiviti-pelancongan-seni-budaya-terjejas>. Diakses pada 2 Julai 2024.

Harian Metro. 6 Februari 2018. Bekalan Mayat Tidak Cukup. Diipetik dari <https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2018/02/310597/bekalan-mayat-tak-cukup>. Diakses pada 7 Jun 2024.

International Council of Museums (ICOM), 2020, Follow-up Suvey: The Impact of Covid-19 on the Museum Sector, dipetik dari <https://icom.museum/en/covid-19/surveys-and-data/follow-up-survey-the-impact-of-covid-19-on-the-museum-sector/>. Diakses pada 11 Julai 2024.

Universiti Malaysia Sabah. (2022) *Muzium dan Galeri*. Dipetik dari <https://www.ums.edu.my/v5/ms/kenali-ums/28-muzium-koleksi>. Diakses pada 30 Oktober 2023.

### **Temu Bual**

Effandy Bin Mohd Hatta. 38 Tahun. Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan. Muzium Perubatan. Universiti Malaysia Sabah. 27 Mei 2024.

Faranizah Binti Taufick. 39 Tahun. Kurator Kanan. Galeri Azman Hashim. Universiti Malaysia Sabah. 29 Mei 2024.

Flora Anne Asalin. 39 Tahun. Kurator Kanan. Aquarium dan Muzium Marin. Universiti Malaysia Sabah. 6 Mei 2024.

Hilmey Bin Saili. 40 Tahun. Timbalan Ketua Ketua Kurator. Muzium UMS. Universiti Malaysia Sabah. 6 Jun 2024.

Mohammad Puad Debit. 60 Tahun. Pengarah. Galeri Azman Hashim UMS. Universiti Malaysia Sabah. 29 Mei 2024.

Patherine Jimbau. 45 Tahun. Kurator Kanan. Galeri Borneensis. Universiti Malaysia Sabah. 7 Jun 2024.